

# Myanmar perjelas pertempuran

BH 3 MAY 2001

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Myanmar memberi taklimat kepada wakil negara-negara Asean berhubung beberapa pertempuran di sepanjang sempadan dengan Thailand, dalam usaha mengurangkan ketegangan di wilayah berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkara itu antara beberapa agenda yang dibincangkan pada mesyuarat tidak rasmi Menteri Luar Asean yang diadakan di Myanmar, Isnin lalu.

Syed Hamid berkata, negara-negara Asean bersetuju untuk mendengar penjelasan Myanmar mengenai ketegangan dengan Thailand.

"Rundingan bersetuju bahawa proses prakon-sultasi dengan Thailand. Myanmar tidak harus terdedah kepada publisiti yang akan merumitkan ketegangan kedua-dua negara," katanya kepada pemberita, hari ini.

Sebelum itu, beliau menerima kunjungan hormat Menteri Galian dan Tenaga Republik Equatorial Guinea, Cristobal Menana Ela, di Wisma Putra di sini.

Kunjungan Cristobal untuk menyampaikan jemputan Presidennya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi melawat negara berkenaan.

Syed Hamid ditanya

fungsi anggota Asean dalam menangani perbalahan yang meletus di sempadan Thailand-Myanmar.

Beliau berkata, walaupun Asean sedia mendengar pandangan Myanmar, semua anggota sebulat suara dengan dasar tidak campur tangan hal ehwal dalaman ahli lain.

Hubungan di antara Myanmar dan Thailand tegang sejak Februari lalu, selepas berlaku tembakan antara tentera kedua-dua negara sehingga beberapa orang terbunuh.

Sambil menganggap Myanmar ahli Asean yang penting, Syed Hamid berkata, Malaysia berharap isu berkenaan dapat diselesaikan menerusi perbin-

cangan.

Beliau berkata, mesyuarat tidak rasmi yang pertama kali diadakan pada peringkat Menteri Luar juga bersetuju meningkatkan integrasi antara anggota Asean, terutama dalam bidang pelaburan dan politik, serta mengurangkan jurang antara Asean lama dan baru.

"Mesyuarat itu diadakan secara terbuka dan mencapai kata sepakat dalam isu-isu utama serantau yang boleh dise-ragamkan," katanya sambil menambah, antara isu yang dibincangkan ialah masalah dadah.

Bagaimanapun, beliau berkata, mesyuarat akan berterusan tanpa menetap-kan sebarang agenda,

dalam usaha memantapkan Asean.

Ditanya sama ada beliau berunding dengan Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab mengenai keadaan di negara itu, Syed Hamid berkata, pertemuan itu adalah acara tidak rasmi.

"Mereka meminta kita memahami masalah yang dihadapi. Indonesia juga meminta media (di kedua-dua negara) tidak melaporkan perkara yang boleh membawa ketegangan," katanya.

Mengenai pergolakan di Manila, Syed Hamid berkata, Malaysia tidak akan menutup pejabat perwakilan negara itu walaupun keadaannya sekarang agak kucar-kacir.